



29 Julai 2024

Kerajaan Malaysia mesti hentikan sebarang keputusan tergesa-gesa mengenai pelesenan media sosial kerana berpotensi memburukkan lagi sekatan ke atas kebebasan bersuara

ARTICLE 19 dan Centre for Independent Journalism (CIJ) mengambil maklum mengenai pengumuman kerajaan berkenaan suatu [pengawalseliaan baharu](#) yang akan diperkenalkan pada 1 Ogos 2024, dan akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2025, untuk syarikat media sosial mendapatkan lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (CMA) 1998. Perkembangan ini dilihat sebagai percubaan untuk mengawal platform media sosial serta mempunyai implikasi yang luas terhadap kebebasan bersuara, seperti yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Tambahan pula, terdapat kebimbangan yang semakin meningkat bahawa langkah-langkah pengawalseliaan sedemikian boleh menimbulkan ancaman besar terhadap nilai-nilai demokratik asas yang mendasari tadbir urus negara dan prinsip asas Seksyen 3(3) CMA, yang menyatakan bahawa “tiada apa-apa dalam CMA yang boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan internet”. Pertubuhan masyarakat madani (CSO), termasuk ARTICLE 19 dan CIJ, yang sebelum ini terlibat dalam perundingan, telah menyuarakan kebimbangan kami kepada kerajaan mengenai kemungkinan penetapan pelesenan ke atas platform media sosial untuk menyederhanakan kandungan yang berbahaya. Kami telah menasihati kerajaan agar tidak membuat keputusan tergesa-gesa dan menekankan perlunya pertimbangan menyeluruh terhadap implikasi dan pihak berkepentingan yang terlibat.

Selain itu, pada 27 Jun 2024, beberapa pertubuhan CSO telah [mengeluarkan](#) surat kepada Perdana Menteri untuk menggesa kerajaan mengutamakan peningkatan kerjasama dan perundingan dengan Pertubuhan masyarakat madani dan pihak berkepentingan lain yang relevan. Mesej mereka menekankan kepentingan proses yang menyeluruh dan telus dalam membentuk dasar berkaitan pengawalseliaan media sosial.

Kerangka Pelesenan Berlebihan

Sistem pelesenan untuk perkhidmatan rangkaian dan aplikasi sedang menghadapi cabaran besar ekoran kesukaran untuk menjangkakan keperluan dan perkembangan masa depan, serta kekurangan pengawasan bebas yang ketara, yang boleh menjejaskan keadilan dan ketelusan proses pelesenan. Kekurangan garis panduan dan pengawasan yang jelas ini telah menimbulkan ketidakpastian untuk platform media sosial.

Akibatnya, platform-platform ini mungkin perlu memenuhi keperluan pengawalseliaan tertentu dan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa sebagai sebahagian daripada proses pembaharuan lesen. Ini akan melibatkan hubungan kerja yang lebih rapat antara platform dan badan pengawalseliaan dalam memastikan mereka beroperasi mengikut keperluan yang digariskan dalam kerangka pelesenan. Hasilnya, platform akan lebih patuh dan bersetuju dengan lebih banyak permintaan penyingkiran kandungan daripada kerajaan, melebihi tumpuan terhadap penyederhanaan kandungan yang berkesan dan tepat pada masanya.

Penting untuk diingat bahawa kekurangan ketelusan dalam proses pematuhan memberi kuasa yang lebih besar kepada platform besar untuk mengawasi apa yang kita lihat, bicara, dan kongsi dalam talian—



dengan akibat buruk bagi perdebatan awam, aliran maklumat yang bebas, dan demokrasi. Rangkaian media sosial adalah ruang penting untuk kita berhubung, berkongsi, dan mengakses maklumat.

ARTICLE 19, dalam [analisis undang-undang mengenai CMA](#), berulang kali memberi amaran bahawa beberapa peruntukan di bawah CMA bermasalah dan tidak selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa. Lebih banyak peraturan baharu diperkenalkan, lebih banyak kuasa yang dimiliki oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk mengawal kandungan dan syarikat media sosial. Kami berulang kali membangkitkan isu menggunakan seksyen 211 dan 233 CMA untuk mentakrifkan kandungan berbahaya. Pada masa yang sama, peruntukan tersebut telah [disalahgunakan](#) selama bertahun-tahun untuk menyekat kebebasan bersuara. Secara prinsip, kami menegaskan bahawa Seksyen 211 dan 233 CMA harus dimansuhkan kerana mempunyai skop yang luas dan tafsiran yang kabur. Peruntukan tersebut juga tidak memenuhi piawaian antarabangsa dalam konteks kebebasan bersuara, terutama ujian tiga bahagian: matlamat sah, diperuntukkan oleh undang-undang, berkadar, dan keperluan.¹

Tanggungjawab Platform

ARTICLE 19 dan CIJ memahami niat kerajaan untuk menjadikan platform media sosial dan aplikasi pemesejan bertanggungjawab sebagai cara untuk menangani penyalahgunaan dalam talian, ucapan kebencian, dan kandungan bermasalah lain, termasuk penipuan dan penipuan yang menyasarkan kanak-kanak atau pengguna dalam talian.

Langkah penting adalah untuk menetapkan platform media sosial agar (i) meningkatkan standard komuniti dan garis panduannya untuk memenuhi piawaian hak asasi manusia antarabangsa, termasuk mengenai perlindungan data, privasi, dan ketelusan penggunaan kecerdasan buatan (AI); dan (ii) memastikan bahawa dasar dan tindakan penyederhanaan kandungan dan penyingkirannya adalah berkesan dan tepat pada masanya, dilakukan dengan cara yang telus dan sistematik, tanpa prasangka peribadi, politik atau perniagaan. Platform media sosial perlu melabur dalam sumber manusia dan pengesanan bahasa yang mencukupi untuk melangkaui pengesanan automatik atau penggunaan AI untuk mengesan kandungan berbahaya.

Oleh itu, kerajaan perlu mengamalkan cara inovatif dan alternatif untuk platform ini dipertanggungjawabkan, kerana sebarang percubaan untuk menggabungkan platform ini ke dalam aturan pengawalseliaan tradisional tidak mungkin berkesan dan mungkin mempunyai implikasi yang tidak dijangka memandangkan sifat teknologi yang berkembang pesat dan jangkauan sejagat platform ini. Sebarang percubaan untuk menjadikan platform ini bertanggungjawab adalah dengan memastikan bahawa terdapat perlindungan yang bermakna terhadap hak-hak orang ramai termasuklah tidak melanggar kebebasan bersuara pengguna.

¹ Pelapor khas mengenai promosi dan perlindungan terhadap hak kebebasan berpendapat dan bersuara [mengeluarkan laporan pada tahun 2021](#) bahawa walaupun Malaysia bukan sebahagian daripada Waad Antarabangsa tentang Hak Sipil dan Hak Politik (ICCPR), namun kandungan Artikel 19 dalam ICCPR adalah berdasarkan UDHR. Maka, Malaysia harus memakluminya kerana mempunyai tanggungjawab di bawah undang-undang antarabangsa. Di bawah Artikel 19(3) dalam ICCPR, sekatan terhadap kebebasan bersuara hanya dibolehkan apabila "didasari undang-undang" dan perlu untuk "hak atau reputasi orang lain" atau "perlindungan keselamatan negara atau aturan awam, atau kesihatan awam dan moral."



Langkah Ke Hadapan

Adalah penting untuk menangani kekurangan ketelusan mengenai permintaan khusus yang dibuat oleh MCMC atau entiti kerajaan lain kepada platform dan tindak balas mereka terhadap permintaan tersebut. Kerajaan harus mengelak daripada mengawal selia kandungan dalam talian dan melesenkan platform media sosial secara tergesa-gesa. Sebarang kerangka pengawalseliaan untuk platform media sosial mesti berdasarkan prinsip ketelusan, akauntabiliti, dan perlindungan hak asasi manusia. Ini harus merangkumi keperluan untuk meningkatkan ketelusan dalam keputusan penyederhanaan kandungan dan memperbaiki sistem untuk menyelesaikan pertikaian yang timbul daripada keputusan ini.

Adalah disyorkan bahawa kerajaan mengambil langkah-langkah berikut:

- 1) Menubuhkan **majlis media sosial** yang akan mempromosikan kerangka pengawalseliaan bebas berbilang pihak berkepentingan;
- 2) Menubuhkan **jawatankuasa bebas untuk mengkaji punca utama ucapan kebencian dan buli siber**, dan seterusnya membangunkan pelan tindakan komprehensif, menggunakan [Rabat Plan of Action](#) sebagai kerangka kerja; dan
- 3) **Meningkatkan program pendidikan** dan kesedaran yang bertujuan untuk membina masyarakat yang berdaya tahan berpandukan standard penciptaan kandungan yang beretika dan bertanggungjawab, serta literasi digital yang mencukupi untuk memerangi kandungan berbahaya.

Kesimpulannya, untuk mencapai hasil yang lebih baik dalam menangani kandungan media sosial yang berbahaya dan melindungi pengguna, kerajaan mesti mempertimbangkan semula rancangan semasa dan berunding dengan lebih komprehensif dengan pertubuhan-pertubuhan CSO. Ini diperlukan kerana menangani kandungan berbahaya secara berkesan melangkaui hanya penyederhanaan kandungan; sebaliknya turut melibatkan penanganan punca utama isu seperti ucapan kebencian, buli siber, dan keganasan berasaskan jantina. Bekerjasama dengan pertubuhan masyarakat madani boleh memberikan pandangan tentang masalah masyarakat dan sistemik yang lebih luas yang menyumbang kepada kandungan berbahaya serta membantu membangunkan strategi yang lebih menyeluruh dan berkesan untuk mengurangkan cabaran ini.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

1. Pn. Nalini Elumalai, Pegawai Program Kanan Malaysia, ARTICLE 19, Nalini.Elumalai@article19.org
2. Pn. Wathshlah Naidu, Pengarah Eksekutif CIJ, exec_director@cijmalaysia.net